

1. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.



Setelah mendapat pekerjaan yang baik di bandar, Zamri langsung tidak mengendahkan sahabat baiknya yang membantunya ketika susah.

- ☐ A habis manis sepah dibuang
- ☐ B seperti kacang lupakan kulit
- ☐ C harapkan pagar, pagar makan padi
- ☐ D sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi

2. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai isi dengan kuku
II	bagai aur dengan tebing
III	bagai hempedu lekat di hati
IV	bagai cincin dengan permata

- ☐ A I dan III
- ☐ B II dan III
- ☐ C II dan IV
- ☐ D I dan IV

3. Mustaffa dan Suhaili berkawan baik. Mereka bekerjasama semenjak di bangku sekolah hingga universiti. Mereka bekerja di syarikat yang sama juga.


Peribahasa yang berikut dapat menggambarkan hubungan baik yang terjalin antara Mustaffa dengan Suhaili, **kecuali**...

- ☐ A seperti isi dengan kuku.
- ☐ B seperti aur dengan tebing.
- ☐ C seperti cincin dengan permata.
- ☐ D seperti beliung dengan asahan.

4. Anak tunggalnya itu menjadi _____nya sejak suaminya meninggal dunia.

- ☐ A isi hati
- ☐ B hati emas
- ☐ C jantung hati
- ☐ D darah daging

5. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilihlah peribahasa yang sesuai.



- ☐ A seperti udang direbus
- ☐ B ada udang di sebalik batu
- ☐ C udang hendak mengatai ikan
- ☐ D banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam

6. Maksud peribahasa "jangan meludah ke langit" ialah...

- ☐ A jangan mudah mempercayai orang.
- ☐ B jangan menyembunyikan keburukan kita.
- ☐ C jangan mengeji kaum keluarga kita sendiri.
- ☐ D jangan melakukan perkara yang merugikan diri.

7. Maksud peribahasa "seperti si buta mendapat tongkat" ialah...

- ☐ A orang yang suka meminta pertolongan daripada orang lain.
- ☐ B orang yang telah berjaya kerana dibantu oleh orang lain.
- ☐ C orang yang hidup susah kerana banyak berhutang.
- ☐ D orang yang sombong setelah beroleh kekayaan.

8. Maksud peribahasa "bagai menghitung bulu kambing" ialah...

- ☐ A melakukan sesuatu pekerjaan separuh jalan sahaja.
- ☐ B membuat sesuatu secara diam-diam dan perlahan-lahan.
- ☐ C melakukan perkara atau pekerjaan yang tidak bermanfaat.
- ☐ D melakukan perbuatan yang menjejaskan maruah keluarga.

9. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

"Dalam hal ini, kita jangan bertindak mengikut perasaan sebaliknya berfikir untuk mencari jalan yang terbaik bagi menyelesaikannya," kata Dali kepada Mazlan.

- ☐ A ikut hati mati, ikut rasa binasa
- ☐ B rumah sudah siap, pahat berbunyi
- ☐ C lain dulang lain kaki, lain orang lain hatinya
- ☐ D kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa

10. Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan. Hal ini demikian kerana _____.

- ☐ A bahasa jiwa bangsa
- ☐ B bersekutu bertambah mutu
- ☐ C membaca itu jambatan ilmu
- ☐ D kita harus memberi dan menerima

11. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Farid dan Fuad adik-beradik kembar tetapi sikap mereka berbeza sekali.

- ☐ A seperti langit dengan bumi
- ☐ B seperti rumput di tepi jalan
- ☐ C seperti tikus jatuh ke beras
- ☐ D seperti anjing dengan kucing

12. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Setelah berbelas-belas tahun Badrul menetap di China, dia mengambil keputusan untuk pulang ke tanah airnya.

- ☐ A sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- ☐ B di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- ☐ C sepandai-pandai tupai melompat, sekali terjatuh juga
- ☐ D setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga

13. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan situasi dalam gambar tersebut, pilih dua peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bapa borek anak rintik
II	seperti talam dua muka
III	ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi
IV	seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul

- ☐ A I dan III
- ☐ B II dan III
- ☐ C II dan IV
- ☐ D I dan IV

14. Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan perwatakan Kamil.

Salman: Sia-sia sahaja kita menasihati Kamil supaya kembali ke pangkuan keluarga. Sikapnya masih tidak berubah.
Taufiq: Tiada gunanya kita bersusah payah untuk orang yang tidak mahu menghargainya.

- ☐ A buang yang keruh, ambil yang jernih
- ☐ B sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- ☐ C buat baik kepada-pada, buat jahat jangan sekali
- ☐ D bingung tidak dapat diajar, cerdik tidak dapat diikuti

15. Selepas melahirkan anak sulung, Puan Robiah mengabaikan anak angkatnya. Kasih sayang yang terjalin antara Puan Robiah dengan anak angkatnya dilibatkan...

- ☐ A seperti embun di hujung rumput.
- ☐ B seperti kaca terhempas ke batu.
- ☐ C seperti telur di hujung tanduk.
- ☐ D seperti hujan jatuh ke pasir.

16. Maksud peribahasa "cubit paha kanan, paha kiri pun sakit juga" ialah...

- ☐ A apabila seseorang dianiaya, ahli keluarganya yang lain akan terasa juga.
- ☐ B apabila hendak melakukan sesuatu, lakukanlah dengan sungguh-sungguh.
- ☐ C penderitaan yang dialami oleh seseorang akan turut dirasai oleh seluruh masyarakat.
- ☐ D apabila seseorang melakukan perkara buruk, seluruh masyarakat akan terkena tempiasnya.

17. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Pada mulanya, Kemala menghadapi kesukaran untuk mengendalikan mesin di kilang itu. Tetapi lama-kelamaan, dia semakin mahir menggunakan mesin tersebut.

- ☐ A alah bisa tegal biasa
- ☐ B besi baik tidak berkarat
- ☐ C hati hendak, semua jadi
- ☐ D tepuk dada tanya selera

18. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Puan Saodah ingin mengambil Johan sebagai anak angkat tetapi hasratnya itu dihalang oleh ibunya kerana Johan bukan sahaja pemalas tetapi juga suka mencuri.

- ☐ A seperti menatang minyak yang penuh
- ☐ B seperti mendukung biawak hidup
- ☐ C seperti melukut di tepi gantang
- ☐ D seperti gunting dalam lipatan

19. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan **situasi** dalam gambar tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	berkerat rotan berpatah arang
II	air dicencang tidak akan putus
III	cubit paha kiri paha kanan terasa juga
IV	carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga

- ☐ A I dan III
☐ B II dan III
☐ C II dan IV
☐ D I dan IV

20. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilih **dua** peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai dihiris sembilu
II	bagai kumbang putus tali
III	bagai cendawan kememeh
IV	bagai kaca terhempas ke batu

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV